

15/05/1997

Mohon tubuh Askar Wataniah di sekolah

KUANTAN, Rabu - Kerajaan Pahang sudah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pendidikan supaya melonggarkan peraturan berhubung pembentukan pasukan beruniform di sekolah bagi membolehkan pasukan Askar Wataniah ditubuhkan di peringkat sekolah di negeri ini.

Ini kerana murid terbabit dalam pasukan beruniform boleh membentuk diri mereka menjadi individu berdisiplin dan mampu mengelak daripada terjebak dalam kegiatan tidak bermoral.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pusat Pertumbuhan Desa negeri, Datuk Omar Othman, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mengakui keberkesanan fungsi pasukan beruniform dalam usaha memerangi gejala sosial.

Beliau yang juga Penyelaras Kegiatan Askar Wataniah Pahang, berkata setakat ini, hanya beberapa pasukan beruniform dibenarkan diwujudkan di sekolah, sekali gus menutup peluang penubuhan pasukan beruniform lain.

"Saya sudah menghantar surat kepada Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang supaya melonggarkan syarat penubuhan pasukan beruniform di sekolah kerana pada masa ini, tidak banyak pasukan beruniform dibenar diwujudkan di sekolah," katanya, di sini hari ini.

(END)